



WARGA emas menggunakan rakit untuk pulang ke rumah akibat banjir.



PENDUDUK meredah banjir untuk mengalihkan setandan pisang daripada hanyut dibawa air.

KKM jamin bekalan ubat cukup

Segamat: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi jaminan bekalan ubat dan kakitangan perubatan mencukupi untuk berdepan banjir terutama di negeri yang berisiko dilanda bencana alam itu sepanjang musim tengkujuh ini.

Menterinya, Datuk Seri S Subramaniam berkata, pelbagai jenis ubat terutama berkaitan jangkitan kuman bawaan air ketika musim banjir sudah dibekalkan dalam jumlah yang mencukupi ke semua hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara.

Menurut beliau, selain itu, bagi memastikan tidak berlaku kekurangan kakitangan perubatan ketika bencana alam, cuti semua kakitangan berkenaan dibekukan sebaik berlaku banjir di negeri yang berisiko.

"Semua kakitangan perubatan di hospital dan pembantu perubatan di klinik kesihatan kerajaan sudah diarahkan sentiasa bersedia sedia untuk ditempatkan di pusat pemindahan banjir bagi menangani pelbagai implikasi kesihatan terutama membabitkan kanak-kanak serta warga emas.

"Banjir bukan saja menyebabkan kerosakan harta benda, malah mengancam kesihatan orang ramai kerana turut membawa pelbagai penyakit seperti sakit kulit serta cirit-birit," katanya.

BANJIR DI SELANGOR

AZAB 2 KALI SEBULAN

■ Fenomena air pasang berlaku awal, hujung bulan

Oleh Ekhwan Haque Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my
Shah Alam

Fenomena air pasang besar sememangnya akan berlaku dua kali sebulan iaitu pada awal dan penghujung setiap bulan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, pada awal bulan, kebiasaannya air pasang besar berlaku disebabkan kedudukan bumi dan bulan paling hampir antara satu sama lain.

Beliau berkata, ia menyebabkan tarikan graviti paling kuat ketika itu yang akan mempengaruhi air laut yang

menjadi lebih tinggi berbanding biasa.

"Kejadian air pasang besar normal dan kawasan yang rendah memang berisiko untuk berlaku banjir atau paras air akan naik sedikit ketika fenomena ini berlaku.

"Namun, ketika musim hujan seperti sekarang, ia antara faktor yang turut mempengaruhi berlaku kejadian banjir di beberapa kawasan tertentu di negeri ini, tetapi fenomena itu bukan faktor utama berlakunya banjir," katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.

Katanya, orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana fe-

nomena itu adalah normal, tetapi perlu berwaspada jika hujan lebat melanda kawasan mereka.

Dalam pada itu, ketinggian air laut di perairan Pelabuhan Klang dijangka mencecah setinggi 4.6 meter bermula 25 hingga 26 November ini.

Jurucakap Pusat Cuaca Nasional berkata, ketinggian air laut itu dijangka berlaku sekitar jam 5 pagi untuk kedua-dua hari berikut.

Katanya, untuk tempoh antara semalam hingga 24 November depan, air laut dijangka hanya mencatatkan ketinggian antara 3.2 meter hingga 4.4 meter.

PENDUDUK memindahkan barang yang terselamat daripada banjir di Kampung Parit Mahang, Bestari Jaya.



PENUNGGANG motorsikal meredah air berikutan banjir kilat.